



BULETIN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA

PROFESION KU

www.pppmalaysia.com



BIL . 1 / 2019
EDISI 10

*"Kejayaan Penganjuran Konferens Kebangsaan
Penolong Pegawai Perubatan 2019 yang mencatat sejarah tersendiri"*

RINGKASAN AKTIVITI PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA JANUARI HINGGA JUN 2019

13.1.2019 @ Sesi Perbincangan Bersama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan PPPM telah menemui YB TMK bagi menyatakan rasa terkilledan dukacila daripada ahli profesion Pembantu Perubatan (Penolong Pegawai Perubatan) berikutan kenyataan yang disiarkan di dalam akhbar tersebut menyentuh tentang beberapa sebab penutupan Klinik 1Malaysia. Perlakuan ini juga bertujuan mendapatkan pencerahan berhubung beberapa kenyataan yang disiarkan oleh akhbar terbit.

8.2.2019 @ Mesyuarat Ahli Majlis Terlinggi Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Bilangan 5 Penggal 2017/2018

- Perkara-perkara berbangkit;
- Laporan Biro-Biro;
- Laporan Penyata Kewangan;
- Laporan Aktiviti Cawangan; dan
- Pemasangan kabinet di Wisma Pembantu Perubatan.

9.2.2019 @ Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Bilangan 5 Penggal 2017/2018

- Perkara-perkara berbangkit;
- Tambahan sarjana muda dalam bidang berkaitan;
- Bachelor of Science in Health Practise Development;
- Konferensi Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2019 dan Sambutan Hari Pembantu Perubatan Tahun 2019;
- Laporan Biro-Biro;
- Laporan Penyata Kewangan;
- Laporan Aktiviti Cawangan;
- Akademi Pembantu Perubatan;
- Kunjungan Hormat Keates Yang Berhormat Menteri Kesihatan;
- Program KembaraSihat Di Jalanan (KSDJ) Ver.2.0;
- Cuti Belajar Bergaji Penuh;
- Peperiksaan Khas Lembaga Pembantu Perubatan;
- Peperiksaan kompetensi bagi tujuan pembaharuan Perakuan Amalan Tahunan;
- Southern Peninsular Wound Medicine Conference 2019;
- Mesyuarat Agung Perwakilan PPPM Kali Ke-3;
- Penubuhan PPPM Cawangan Kuala Lumpur; dan
- Petikan siaran akbar pada 5 Februari 2019 berhubung kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan mengenai penutupan Klinik Komuniti.

27.4.2019 @ Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Perwakilan Kali Ke-4 Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Mesyuarat ini telah diadakan di Kuala Lumpur International Hotel dan dihadiri seramai 67 orang yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pusat dan Perwakilan. Mesyuarat kali ini turut mengenangkan beberapa usul. 9 usul termasuklah usul meminda perlimbaganan PPPM.

9.5.2019 @ Kunjungan Hormat dan lawatan kerja Lembaga Pembantu Perubatan Bersama Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia dan Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia ke St. John Ambulance of Malaysia
Lawatan ini bertujuan untuk membincangkan dengan lebih lanjut kerjasama di antara perkhidmatan PPP dengan St. John Ambulance of Malaysia.

11.5.2019 @ Mesyuarat Ahli Majlis Terlinggi Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Bilangan 1 Penggal 2019/2020

- Membincangkan perkara-perkara berbangkit di dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Perwakilan Kali Ke-3 Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia;
- Membentang dan membincangkan perkara-perkara baharu;
- Membentangkan Laporan Kewangan; dan
- Hal-hal lain.

AL-FATIHAH

Takziah diucapkan kepada keluarga Allahyarham PPP Jamaludin Abd Aziz ,67 yang telah pergi menghadap ilahi pada 13 Ogos 2019. Sewaktu hayalnya, beliau merupakan sebahagian daripada pasukan perubatan Institut Jantung Negara (IJN) yang melakukan pembedahan pintasan jantung ke atas YAB Tun Mahathir Mohamad yang ketika itu merupakan Perdana Menteri Keempat pada 1989.

Allahyarham juga pernah ditugaskan untuk mengendalikan mesin sokongan selepas pembedahan berkenaan, seterusnya diberi kepercayaan menjadi penolong pegawai perubatan yang mengiringi YAB Tun Mahathir Mohamad ketika siri lawatannya sama ada di dalam mahupun luar negara.

Semoga roh Allahyarham PPP Jamaludin Abd Aziz di cucuri rahmat atas segala kebakannya dan ditempatkan bersama orang-orang yang soleh. Al-Fatihah.



Zerumput Cinta Untaian Pena

KETUA EDITOR BULETIN PROFESIONAL

Dengan kalom Assalamualaikum & Salam Sejahtera...



Bersyukur kita ke hadrat ilahi dengan izin dan limpah kurnianya dapat sekali lagi kita sajikan sebuah penerbitan yang menjadi kebanggaan masyarakat Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) iaitu Buletin PROFESSIONAL edisi ke 10 Bil 1/2019. Selakut penghargaan, pengiktirafan dan tahniah diberikan kepada Team Sidang Redaksi atas berat usaha yang tidak mengenal istirahat dan peran dalam menyampaikan wadah yang cukup bermakna ini.

Buletin PROFESSIONAL ini turut menjadi medium bagi semua cabangan negara mengenangkan aktiviti cabangan masing-masing sepanjang bulan Januari hingga Jun 2019. Di dalam Buletin ini juga tercalatnya halaman hujah pesaraan iaitu Peranan Penolong Pegawai Perubatan di dalam bidang Pendidikan.

Penghasilan Buletin PROFESSIONAL ini bukan sahaja merekodkan semua aktiviti PPPM, bahkan merakamkan kecemerlangan PPPM dalam pelancaran Konferensi Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2019 yang telah diadakan dengan jayanya.

Sebagai Ketua Editor Buletin PROFESSIONAL, saya mewakili Team Sidang Redaksi ingin memohon maaf jika terdapat kelebihan dan kekurangan dalam penghasilan buletin ini dan ampuh maaf dipinta, sesungguhnya segala yang baiknya datangnya daripada Allah swt dan yang sebaiknya datang dari kelebihan diri saya sendiri. Semoga dengan penghasilan buletin ini, semua aktiviti, kenangan dan memori Indah warga PPPM dipertekankan untuk tetap di masa hadapan. Sebarang cadangan serta teguran bagi penambahbaikan amaran atau uluan dalam usaha menerbitkan Buletin PROFESSIONAL yang lebih berkualiti Insyaallah. Cadangan dan pendapat sila emalkan kepada syamsulzill@gmail.com. Wassalam. Baik Mula.

Perutusan PRESIDEN



Assalamualaikum wbl dan Salam Sejahtera.

Syukur kepada Allah swt yang memberi peluang kepada kita bertemu kembali di ruangan Buletin Profesional Ku Bil. 1/2019.

Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada ahli profesion Pembantu Perubatan atas sokongan berterusan anda kepada Persatuan ini khasnya dan profesion Pembantu Perubatan amnya. Disamping melaksanakan tugas harian serta tanggungjawab yang digasal selaku ahli profesion yang komited dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat Malaysia; sokongan dan penglibatan anda amat diperlukan bagi menjayakan aktiviti yang dianjurkan Persatuan dalam usaha memaribatkan profesion Pembantu Perubatan yang kita dokong bersama dalam era globalisasi yang serba mencabar.

Cabarani dunia moden yang serba pintar, melangkah dari teknologi digital 4G kepada 5G dengan begitu cepat sedang menguji minda manusia ke alam maya yang serba baru; sudah tentu ada kaitan juga berkesan kepada bidang kesihatan. Ia sekaligus akan sedikit sebanyak melibatkan profesion Pembantu Perubatan dimana tugas mereka juga turut terlibat dengan teknologi baru ini. Dengan itu Pembantu Perubatan hendaklah sediakan diri bagi mendepani cabaran yang bakal mereka hadapi dalam melaksanakan tanggungjawab selaku ahli profesional yang berwibawa, berilmu dan up to date.

Dunia tidak sepi dengan berbagai acaman kepada kesihatan manusia, sama ada dari sudut penyakit berjangkit mahupun penyakit yang disebabkan amalan atau faktor manusia, yang mempengaruhi kesihatan individu dan masyarakat secara berterusan dan jika tidak di tangani dengan baik menjadi cabaran kepada pihak pengurusan kesihatan awam. Usaha kerajaan khasnya Kementerian Kesihatan Malaysia dalam merancang serta melaksanakan dasar serta memperkenalkan langkah mencegah dan mengawali risiko penyakit memerlukan sokongan semua pihak termasuk ahli profesion Pembantu Perubatan. Persatuan ini menyeru agar ahli profesion Pembantu Perubatan menjadi penggerak kepada semua usaha kerajaan dalam menentukan rakyat yang sihat dan sejahtera akan membantu pembangunan Negara.

Persatuan berharap Pembantu Perubatan bersedia menyiapkan diri dengan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pembelajaran berterusan kearah menjadi profesional yang berpengalaman. Pembantu Perubatan selaku anggota pasukan kesihatan, hendaklah mendidik serta menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan kesihatan diri dan keluarga kearah menikmati hidup yang lebih berkualiti dan progresif. Mereka hendaklah memainkan peranan dalam mengesan dan memberi rawatan pesakit dan bertanggungjawab serta komited dalam meningkatkan taraf kesihatan rakyat Malaysia.

Akhir kata, Selamat Hari Raya Idul Adha 1440 serta Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke- 62.
Sekian, Wassalam.

HJ MUSTAFA ABD MAJID
Presiden

AHLI JAWATANKUASA PUSAT PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA SESI 2019/2020

President	AHJ MAJIS	KELANTAN :	NEGERI SEMBILAN :
HJ. Mustafa bin Abd Majid	PERJAS :	Pengasas	Pengasas
Tokoh/tuan Presideo	Pengerusi	Mohd Idris bin Abd Rahim	Ahmad Kamal bin Mansor
HJ. Zaini bin Shafee	Mohd Sazli bin Zakaria	Setiausaha	Setiausaha
Setiausaha Agong	Setiausaha	Mohamed Haziq bin Mohamed	HJ. Mohd Zikran bin Mohd Rais
HJ. Amrin Zafri bin Abd Rahman	Shahrel Nizar bin Ismail	Ras	
Pengerusi Setiausaha Agong	KEDAH :	TERENGGANU :	
En. Saleh-Uzzin bin Mohammed	Pengasas	Pengasas	
Setiausaha Agong	HJ. Mohamed Nasir bin Said	HJ. Shamsuddin bin Mat	
HJ. Jasni bin Md Shariff	Setiausaha	Setiausaha	
Jenis Anny	Mohd Shariff bin Zainal Abidin	HJ. Mohamed Nor Meris bin Ghani	
HJ. Wan Muhammad Azman	PULAU PINANG :	TERAH :	
Hja. Muzahidah	Pengasas	Pengasas	
HJ. Mohd Zabidi bin Mohd Taha	HJ. Mohd Amin bin Zakari	HJ. Ahmad Firdaus bin Ali	
PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN M&T	Setiausaha	Setiausaha	
Hospital Melaka	HJ. Waleed Akbar bin Ibrahim	Achik Izam bin Ali	
	HJ. Abdul Mahabbin Md Zain		
	PERAK :		
	Pengasas		
	HJ. Ahmad Syamsul bin HJ. Reza		
	Setiausaha		
	Mohd Faizi bin Ahmad		
		SELANGOR :	
		Pengasas	
		HJ. Muhamad Syazwan bin HJ. Razali	
		Setiausaha	
		Mohd Suhil Adli bin Mohamed Aziz	

SUDUT KEPAKARAN

PERAWATAN PSIKIATRI

Perawatan Psikiatri antara perkhidmatan penting yang dimainkan oleh Penolong Pegawai Perubatan di hospital -hospital mahupun Klinik Kesihatan. Terdapat juga hospital yang secara khususnya hanya menawarkan perubatan psikiatri seperti di Hospital Bahagia Ulu Kinta Perak , Hospital Permai Johor , Hospital Mesra Bukit Padang Sabah dan Hospital Sentosa Sarawak. Peranan, tugas dan tanggungjawab Penolong Pegawai Perubatan dalam bidang ini dibahagikan kepada beberapa bahagian antaranya :

1. Promosi Kesihatan Mental.
2. Perkhidmatan Kesihatan Mental Masyarakat.
3. Penjagaan dan Perawatan Pesakit didalam Wad.
4. Klinik Pesakit Luar.
5. Klinik Psikiatri di Klinik Kesihatan.

Pada amnya, proses kerja Penolong Pegawai Perubatan Psikiatri di hospital bermula apabila adanya kemasukan pesakit. Menerima pengiring, menilai keadaan umum dan status mental pesakit. Sebagai contoh, adakah pesakit dalam keadaan mengantuk, sedar, berkerusi roda atau direstraint di stretcher atau ada pesakit bersikap agresif perlu dicatalkan dalam Rekod Kes Psikiatrik (PCR). Penolong Pegawai Perubatan harus memastikan setiap dokumen telah bertarikh dan disahkan dengan tepat bagi memastikan ia mematuhi peraturan yang telah tetapkan dalam Akta Kesihatan Mental 2001. Manakala dokumen-dokumen lain yang diperlukan untuk kemasukan pesakit Psikiatri adalah seperti Borang 1 (Kemasukan Sukarela), Borang 2, 3 (Permintaan oleh Saudara) , Borang 4 (Cadangan oleh Pegawai Perubatan), Borang 5 (Disyorkan oleh MO) serta dokumen lain yang berkaitan; POL57,POL59,SWO,Borang 12 (Memindahkan kes-kes psikiatrik ke hospital psikiatrik lain). Bagi kes-kes Forensik psikiatri, perintah mahkamah dibawah seksyen; Seksyen 342, Seksyen 344, Seksyen 348 atau pemindahan penjara di bawah Perintah DPP perlu dipatuhi. Dokumen-dokumen berkaitan perawatan yang harus diisi semasa kemasukan adalah MMSE (Mini Mental Status Examination), BPRS (Skala Penarafan Psikiatri Singkat), NOSIE (Skala Pengamatan Kejururawatan untuk Penilaian Pesakit Dalam).

Penolong Pegawai Perubatan yang berlugas di bidang Perawatan Psikiatri perlu mengambil inisiatif bagi mendalami semua bidang dan prosedur dalam Perawatan Psikiatri contohnya prosedur Electro Convulsive Therapy (ECT) , prosedur Restraint pesakit agresif dan mahir dalam "De-escalation Techniques" supaya dapat menstabilkan pesakit-pesakit yang mempunyai tanda-tanda 'homicidal', suicidal dan agresif.

Penolong Pegawai Perubatan juga boleh memilih untuk lebih menjurus kepada pelbagai Sub-Kepakaran Psikiatri antaranya ialah Forensic Psychiatry, Child & Adolescent Psychiatry, Psychogeriatric dan Psychiatric Rehabilitation. Pendekatan rehabilitasi yang diambil di hospital psikiatri lebih menjurus dalam bidang Agroterapi atau Pertanian bagi melatih para pesakit dalam pemulihan dari penyakit mental yang mereka hidapi.

Penolong Pegawai Perubatan di Perawatan Psikiatri ini dapat menambahkan pengelahanan dan kepakaran dengan mengambil Program Pengajian Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia dan kursus - kursus pendek yang dijalankan didalam dan luar negara.

Disediakan Oleh:

Muhammad Nur Sayfullah bin Abdullah
Hospital Bahagia Ulu Kinta Perak



PAHANG

PROGRAM INSPIRE CAMP 12.0 DMA CUCMS DI PUSAT KOKURIKULUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH KUANTAN

Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM) Cawangan Negeri Pahang telah dijemput ke Program Inspire Camp 12.0 DMA CUCMS yang diadakan di Pusat Kokurikulum Sultan Haji Ahmad Shah. Pengurus dan beberapa ahli jawatankuasa (AJK) PPPM Cawangan Negeri Pahang berpeluang menghadiri majlis tersebut dan tujuan pihak CUCMS menjemput PPPM Cawangan Negeri Pahang adalah untuk menyampaikan sedikit amanat kepada pelajar-pelajar Diploma Pembantu Perubatan di sektor swasta secara amnya. Di samping itu, perkongsian ilmu ini bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar berkaitan dengan perkembangan profesion dari sudut lapangan khususnya. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam program ini adalah seramai 110 orang yang terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Pembantu Perubatan dari semester satu hingga semester 6, dilingi oleh empat orang pensyarah dan lima orang Clinical Instructor (CI). Semoga segala perkongsian dan segala ilmu yang diberikan sepanjang program berlangsung dapat dimanfaatkan dalam pelajaran serta diperaktikkan dalam pekerjaan di masa hadapan.



PROGRAM SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN 2019 HERITAGE HOTEL CAMERON HIGHLAND DAN KONVOI AMO BIKERS PAHANG

Sambutan Hari Pembantu Perubatan Tahun 2019 telah diadakan di Heritage Hotel Cameron Highland. Program sambutan ini adalah acara tahunan dan menggunakan sistem giliran untuk setiap daerah menganjurkan majlis sambutan ini. Seramai 250 orang Penolong Pegawai Perubatan dari seluruh negeri Pahang telah menghadiri program tersebut.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YH Dato' Indera Dr. Sha'ari Bin Ngadiman Pengarah Kesihatan Negeri Pahang, TPKN Kesihatan Awam, Pengarah-Pengarah Hospital, Pegawai Kesihatan Daerah, Ketua Penyelia Jururawat Negeri dan beberapa orang jemputan khas.

Semasa program sambutan ini juga diadakan konvoi bermotor Penolong Pegawai Perubatan @ AMO Bikers Pahang bermula dari Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh, dengan 2 pitstop iaitu di Hospital Bentong Dan KK Betau Lipis. Di pitstop tersebut ahli konvoi akan merakam penolong pegawai perubatan yang bertugas dengan menghadiahkan kek sambutan hari pembantu perubatan dan sedikit sumbangan dari Persatuan Pembantu Perubatan Pahang dan Kelab Kebajikan Dan Rekreasi Penolong Pegawai Perubatan Pahang.



LAWATAN DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN DARI PPPM CAWANGAN NEGERI PAHANG OLEH AJK KEBAJIKAN KEPADA AHLI PPPM PAHANG



PROGRAM DERMA DARAH PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN PAHANG SEMPENA SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2019

Program derma darah ini dijalankan serentak seluruh Negara dan program derma darah untuk PPP Pahang dijalankan di beberapa hospital, iaitu HTAA, Hosnas, Hospital Lipis dan Hospital Sultanah Hajah Kalsom Cameron Highland. Seramai 130 orang PPP Pahang telah menderma dan program ini mendapat sambutan yang menggalakkan.



MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN CAWANGAN PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA NEGERI PAHANG DI BUKIT GAMBANG RESORT CITY KUANTAN

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ini telah diadakan di Bukit Gambang Resort City Kuantan dan dihadiri oleh 80 orang ahli dari seluruh negeri Pahang. Satu CME bertajuk 'Pulmonary Function Test' telah disampaikan oleh PPP Azuan Abdullah dari Unit Respiratori HTAA Kuantan. Jawatankuasa baru telah dipilih dan akan mewakili PPPM Pahang untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia di Hotel KL International Kuala Lumpur.





Majlis Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2019 telah diadakan pada 10 mac 2019 di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sultan Azlan Shah, Perak, YB Dr. Lim Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia telah sudi merasmikan majlis yang sungguh bermakna ini bagi semua Penolong Pegawai Perubatan. Majlis ini telah dihadiri seramai 1500 peserta dari kalangan Penolong Pegawai Perubatan sektor awam dan swasta dari seluruh negara.



Majlis Sambutan Malam Gala Apresiasi 2018 yang diadakan pada 25 Januari 2019 dan disempurnakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Johor dan dihadiri 300 orang.

Majlis anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Caw. Neg Dengan Kerjasama Bahagian PPP JKNJ ini mengiktiraf 26 Apresiasi dari kalangan PPP, PPK dan Pemandu di Negeri Johor.

Syabas pada semua yang berjaya. Semoga ianya menjadi pemangkin agar terus melangkah lebih cemerlang lagi.



Cara Coret Sambutan Hari Raya
Di Bahagian PPP JKNJ



Eksplidisi Mendaki Gunung Kerinci di Padang Sumatera Indonesia 2.0 anjuran Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Negeri Johor telah disertai oleh 9 orang pendaki dari pelbagai jawatan 5 org PPP, 2 orang Jururawat dan 1 Pemandu dan 1 Pegawai Perhubungan Korporat. Gunung Kerinci merupakan Gunung berapi tertinggi di Indonesia.



Majlis Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2019 peringkat negeri Johor telah diadakan pada 21 Mac 2019 di Tanjung Piai Daerah Pontian. Antara program dan aktiviti sepanjang hari tersebut adalah seperti : Program CME/CPD PPP Bil 3/1209 diadakan di Bilik Mesyuarat Taman Negara Tg. Piai Pontian.

Program Konservasi Pokok Bakau di Taman Negara Tanjung Piai Pontian yang disempurnakan bersama Pegawai Kesihatan Daerah Pontian. Riadah petang menyusuri hutan bakau dan Sesi bergambar di replika Penghujung Benua Asia.



Majlis Makan Malam Sempena Hari Pembantu Perubatan di Tg. Piai Resort Pontian dirasmikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Johor.

Penyampaian cenderahati Tokoh Pembantu Perubatan dan Tokoh Pembantu Perubatan Harapan Negeri Johor 2019. Tahniah ke atas En. Samsuddin Bin Ibrahim dan En. Mohd Mustabilillah Bin Misnan.




Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Bahagian PPP JKNJ dengan Kerjasama Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Negeri Johor telah diadakan pada 20 Jun 2019 di perkaraan Bahagian Penolong Pegawai Perubatan JKNJ dan disertai oleh hamper 200 orang dari kalangan PPP/PPK/Pemandu.

Tetamu Jemputan yang hadir adalah Pengarah Kesihatan Negeri Johor dan wakil-wakil.



Sesi Praktikal Simulation Kapal Terbang terhempas di lokasi disediakan. Para peserta telah dibahagi mengikut kumpulan untuk mengeson dan membuat pengecaman mengikut kaedah yang telah diajar.



1ST Darul Takzim Assistant Medical Officer Conference 2019 Downed Aircraft Forensic Simulation Exercise pada 26-27 Jun 2019 di Hospital Sultan Ismail Anjuran Bersama Persatuan Pembantu Perubatan Cawangan Negeri Johor. Seramai 101 peserta telah mendaftar dan menghadirkan diri bagi konferen jultung-jultung kalinya diadakan.



SELANGOR

TARIKH/MASA	AKTIVITI	LOKASI
15 Disember 2018	CME Penolong Pegawai Perubatan - Pain Free - Ninggan Sihat	Auditorium Hospital Ampang



TARIKH/MASA	AKTIVITI	LOKASI
2 Mei 2019	Majlis Penyerahan Tabung Khairat Kematian & Sumbangan Ikhlas kepada Isteri Allahyarham Tn. Hj. Khairussabri - Jabatan Kecemasan & Trauma - Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Selangor - Kesatuan Kebangsaan PPP Semenanjung Malaysia Cawangan Negeri Selangor	Hospital Tengku Ampuan Rahimah

TARIKH/MASA	AKTIVITI	LOKASI
16 Mei 2019	Program Amal BUBUR LAMBUK 2019 Anjuran Bersama Unit Penyelidikan PPP, Biro Kebajikan PPK Hospital Ampang & Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Selangor	Hospital Ampang



TARIKH/MASA	AKTIVITI	LOKASI
29 Mei 2019	Program Amal BUBUR LAMBUK 2019 Anjuran Bersama Pejabat Kesihatan Daerah Sepang & Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Selangor	Masjid Kg. Salak, Sepang



KEDAH

SUMBANGAN BUBUR LAMBUK KEPADA KAKITANGAN JKN KEDAH

Tarikh Program	: 26 Mei 2019 (Ahad)
Tempat	: Perkarangan Lobi JKN Kedah
Objektif	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerapkan Nilai-nilai Islam Dalam Amalan Bersedekah Dikalangan Kakitangan Serta Menjadikan Satu Ibadah Khususnya Dalam Bulan Ramadan. ii. Merapatkan Lagi Silaturahim Di Kalangan Kakitangan JKN Kedah iii. Memartabalkan Lagi Profesionaliti PPP Dikalangan Pegawai-pegawai Di JKN Dalam Aktiviti Yang Dianjurkan Khususnya Oleh PPP.
Sasaran	: Semua Kakitangan Yang Bertugas Di Pejabat Pengarah JKN Kedah (Anggaran 420)
Perasmian Majlis	: Dato' Norhizan Bin Ismail (Pengarah Kesihatan Negeri Kedah)



PERLIS

**PROGRAM CSR SEMPENA SAMBUTAN HARI PP NEGERI PERLIS**

6 April 2019
Felda Mata Air, Padang Besar, Perlis

- Aktiviti:
- Senamrobik
 - Home Visit pesakit kronik
 - Demo CPR
 - Booth ikut Disiplin penempatan PPP
 - Ride motor dari JKN ke Felda Mata Air dengan mengedarkan risalah kesihatan

**PROGRAM DERMA DARAH MEGA SEMPENA SAMBUTAN HARI PP NEGERI PERLIS**

5 Mac 2019 (Rabu)
Foyer Blok B, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis

- Aktiviti:
- Program derma darah melibatkan PPP dari Kesihatan Awam dan Perubatan
 - Jumlah penderma seramai 54 orang.

**PROGRAM MOTIVASI JATI DIRI PPP NEGERI PERLIS**

27 Januari 2019
Taman Negeri Wang Kelian, Kaki Bukit Perlis.

- Aktiviti:
- Ceramah motivasi
 - Caving di gua Wang Burma

PULAU PINANG

SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 2019

Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2019 telah diraikan pada 26 Mac 2019.

Berlempat di Hotel Olive Tree Bayan Baru Pulau Pinang. Seramai 260 Penolong Pegawai Perubatan telah hadir bagi merakaikan majlis ini. Sambutan pada kali ini amat meriah sekali dan diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia Dr. Md. Zaki Bin Othman.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berbahagia Ybrs Dr. Hj. Wan Mansor Bin Hamzah, Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

**PROGRAM DERMA DARAH**

Tarikh : 5 Mac 2019
Tempat : Hospital Pulau Pinang

SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN 2019 PERINGKAT NEGERI KELANTAN

Tempat : Grandara Hall Kota Bharu, Kelantan
Tarikh : 21 Mac 2019 @ 9.00 malam
Perasmian : Ybhg. Dr. Zaini bin Husin, Pengarah JKN Kelantan
Kehadiran 350 orang



MELAKA

PROGRAM DERMA DARAH SEMPENA SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN NEGERI MELAKA

Tarikh : 5 Mac 2019
Tempat : Klinik Kesihatan Ayer Keroh, Melaka.



PROGRAM DERMA DARAH DI ILKKM SEREMBAN

Anjuran bersama Unit PPP JKNNS dengan PPPM Negeri Sembilan dan Hospital Tuanku Jaafar pada 5 Mac 2019. Sebanyak 60 beg darah berjaya di terima dari seluruh PPP Negeri Sembilan.



PROGRAM BANTUAN AWAL KECEMASAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Program Bantuan Awal Kecemasan sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri Sembilan 2019 Jempol di Komplek Rakan Muda Banda Seri Jempol N.Sembilan pada 23 Mac 2019. Kehadiran seramai peserta 200 orang. Program ini telah dirasmikan oleh Penyelaras Dun Serting En. Abdul Rahman Bin Ramli.



MAJLIS BERKHATAN BERAMAI-RAMAI

Tempat : Waeng Narathiwat, Thailand.
Anjuran Bersama : PPPM Kelantan dan Thailand Malaysia Border Coordination Office (TMBCO)
Tarikh : 24 April 2019
Peserta : (kanak-kanak) 35 orang
Peserta Penyunut 10 orang



MESYUARAT AJK PPPM KELANTAN BIL. 1 PENGGAL 2019/2020

Tempat : New Horizon Restoran, Kota Bharu, Kelantan
Tarikh : 30 April 2019 jam 9.00 malam



SEMINAR SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN 2019 PERINGKAT NEGERI MELAKA

Tarikh : 27 Mac 2019
Tempat : Auditorium MITC Melaka.



PROGRAM FUN RIDE & RUN HARI PEMBANTU PERUBATAN 2019

Tarikh : 20 April 2019
Tempat : Jabatan Kesihatan Negeri Melaka



NEGERI SEMBILAN

GOTONG ROYONG SEMPENA SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Aktiviti Gotong Royong di Pusat Aktiviti Kanak-kanak di Bandar Seri Jempol dan Masjid Kuala Jempol sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri Sembilan pada 19 Mac 2019.



MAKAN MALAM DI HOTEL TASIK VILLA LUKUT PORT DICKSON SEMPENA SAMBUTAN HARI PEMBANTU PERUBATAN PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2019

Kehadiran seramai 200 orang peserta. Program ini diresmikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan Dato' Dr. Zainudin Bin Mohd Ali.



TERENGGANU

PROGRAM	Seminar Pemantapan Profesional Penolong Pegawai Perubatan Dan Majlis Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri
TARIKH	21 Mac 2018
TEMPAT	Duyong Marina & Resort, Kuala Nerus, Pulau Duyong Terengganu
KETERANGAN	Program yang dianjurkan telah mencapai objektif yang ditetapkan. Seramai 250 peserta (PPP ahli dan bukan ahli) terlibat. Penyertaan PPP termasuk dari Agenzia Luar seperi Universiti, Swasta dan juga Pembantu Perawatan Keshatan.



PROGRAM	Program Derma Darah Penolong Pegawai Perubatan Majlis Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Negeri
TARIKH	5 Mac 2018
TEMPAT	Perkarangan menunggu pelawat, Hospital Sultanah Nur Zahirah
KETERANGAN	Sudut-sudut Program Derma Darah PPP Terengganu



PROGRAM	Program Mass CPR bagi Anggota Kerajaan Persekutuan Terengganu
TARIKH	7 Mac 2018
TEMPAT	Stadium Negeri, Kuala Terengganu
KETERANGAN	Program jaring kaf diadakan bagi Anggota Kerajaan Persekutuan Negeri Terengganu telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 250 orang peserta. Program diasmikan oleh YB Senator Dato' Raja Kamrul Bahrain Shah, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir Dr. Hj. Mohd bin Jusoh, Pengarah Keshatan Negeri diringi oleh Tn. Hj. Shamsui bin Mat, Pemangku Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri Terengganu.



PROGRAM	Program Jom Candal Satong PPP Terengganu 2019
TARIKH	21 Hingga 22 Jun 2019
TEMPAT	Marang Terengganu
KETERANGAN	Program Julung kali diadakan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan oleh seramai 100 orang peserta dari seluruh negara. Sebanyak 10 buah bot disewa khas untuk membawa peserta dan uruselia keperluan Marang Terengganu.



PROGRAM	Terengganu AMO Preparation Course (TAMO-PC) 2019
TARIKH	13 Julai 2019
TEMPAT	Dewan Wira, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Terengganu
KETERANGAN	Sesi perkongsian maklumat oleh <ol style="list-style-type: none"> 1. Tn. Hj. Shamsui bin Mat, Pemangku Ketua PPP Negeri Terengganu 2. Dr. Samsuri bin Ismail, Klinik Ibra, SI Energy Sdn Bhd 3. U. Kol. Che Adan bin Abd Rahman, Pengarah APM Negeri Terengganu Sambutan amat menggalakkan, seramai 75 orang peserta terdiri daripada lepasan (graduan) PPP dalam sektor swasta, persendirian dan lain-lain.



WAWANCARA EKSKLUSIF DI PERAK FM

Wawancara Eksklusif di Radio Malaysia Perak FM bersama DJ Mim dengan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri, Tn. Hj. Abdul Aziz bin Mohd Nor dan Pengurus Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Perak, Tn. Hj. Ahmad Syamsul bin Hj. Rezali berkenaan Konferensi Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2019 dan Hari Pembantu Perubatan 2019 pada 7 Mac 2019.



MESYUARAT AGUNG DWITAHUNAN PPPM PERAK

Mesyuarat Agung Dwitahunan Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia Cawangan Negeri Perak diadakan pada 6 April 2019 di Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh. Dalam AGM kali ini juga telah diadakan pemilihan AJK Persatuan bagi penggal 2019/2020.

KONFERENS KEBANGSAAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN 2019

Semua AJK PPPM Perak telah menjadi Jawatankuasa Kerja dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengajuran Konferensi Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2019 yang telah diadakan pada 7 Mac 2019 hingga 10 Mac 2019 di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta Perak.

PROGRAM KEMBARA SIHAT 2.0

Program Kembara Sihat 2.0 PPP Perak ke Pulau Perhentian telah berkolaborasi dengan NGO tempatan, MKN, Sinar Harian & Jabatan Laut dalam menjayakan Cakna Keselamatan & Kesihatan Orang Pulau di Pulau Perhentian Terengganu. Program Khidmat Masyarakat ini telah diadakan pada 13hb April 2019. Aktiviti yang dilaksanakan untuk orang-orang Pulau Perhentian ialah Pemeriksaan Kesihatan ,Promosi Kesihatan Mental ,Quit Smoking dan Demo CPR . Program ini amat mendapat sambutan dari penduduk-penduduk kampung yang terdiri dari nelayan, suri rumah dan juga peniaga produk perlancangan.

Team PPPM Perak telah bertolak ke Terengganu pada awal pagi 12hb April dan pulang semula ke Ipoh, Perak pada malam 14hb April 2019. Selama 3 hari 2 malam semua team Program Kembara Sihat 2.0 ini bermalam di Pulau Perhentian dan menjalankan aktiviti riadah di sekelling pulau selain dari aktiviti kemasyarakatan yang telah berjalan dengan jayanya.



Cenderahati untuk dijual.

Boleh di poskan ke semua tempat.

Hubungi 012-454 2743

017-566 8782

012-262 2234

